

ASIMILASI DAN DISIMILASI DALAM BAHASA ARAB

MOHD. ZAKI ABD. RAHMAN

Abstrak. Asimilasi dan disimilasi ialah dua fenomena bahasa yang berlaku disebabkan penyelarasan dalam sebutan huruf bagi meringankan serta melancarkan proses pertuturan. Kedua-duanya melibatkan aspek fonologi. Asimilasi berkait rapat dengan hukum idgham dalam pembacaan al-Qur'an al-Karim. Oleh itu kebanyakan contoh mengenainya terdapat dalam al-Qur'an al-Karim. Nisbah kewujudan asimilasi jauh lebih besar berbanding disimilasi. Oleh sebab nisbah disimilasi yang begitu kecil, ia boleh dianggap sebagai kes terpencil dalam bahasa Arab.

Kata kunci: Asimilasi, disimilasi, makhraj, sifat huruf, pola kata

Abstract. Assimilation and dissimilation are two language phenomenon which occur in the process of articulation. It is explicitly seen when a speaker tries to moderate pronunciation of letters in an effort to speak smoothly and fluently. Both assimilation and dissimilation involve phonetics and phonology. Assimilation in Arabic language is very closely related to the 'idgham' rules, which are used in reciting the al-Qur'an al-Karim. As such, most examples of assimilation are found in the Holy al-Qur'an al-Karim. It is also noted that the ratio of occurrence of assimilation is very much higher compared to dissimilation. Hence, dissimilation could be considered as negligible in Arabic language.

Keywords: Assimilation, dissimilation, point of articulation, attribute, metre

1.0 PENDAHULUAN

Tajuk ini membahaskan beberapa proses penyesuaian yang berlaku di antara huruf (fonem) yang berdekatan makhraj (titik artikulasi) atau sifat apabila ia berada secara berdampingan dalam satu perkataan atau di antara dua perkataan. Penyesuaian dibuat dengan mewujudkan keserasian dan keharmonian bertujuan memudahkan dan meringankan sebutan kepada penutur.

Oleh itu perubahan yang berlaku adalah melibatkan perubahan pada peringkat pertuturan yang berkait rapat dengan analisis fonologi, tanpa melibatkan aspek lain seperti aspek morfologi, sintaksis, semantik dan retorik. Dua bentuk penyesuaian yang biasa berlaku ialah asimilasi dan disimilasi.

Jabatan Bahasa Arab & Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

Tel: 03-79673006, Faks: 03-79673155. Email: mzarmn@maktoob.com

2.0 ASIMILASI

Asimilasi (*al-mumāthalat*) bermaksud penyesuaian yang berlaku di antara dua huruf yang berdekatan, dengan salah satunya diabaikan bagi mewujudkan keharmonian dalam penyebutan¹.

Setiap huruf mempunyai makhraj dan sifat. Apabila berlaku perbezaan yang ketara di antara dua huruf yang berdekatan sama ada dari segi makhraj atau sifat atau kedua-duanya sekali, ia akan menimbulkan rasa berat dalam pertuturan. Ini kerana lidah yang memainkan peranan penting dalam penyebutan akan menghadapi kesukaran untuk mengeluarkan sebutan yang menepati makhraj dan sifat dua huruf berdekatan yang ketara bezanya.

Oleh yang demikian, bagi mengurangkan jurang perbezaan di antara gandingan huruf yang berdekatan makhraj atau sifatnya serta memudahkan proses penyebutan dan menjimatkan tenaga penutur, maka huruf yang perlu diutamakan disebut dan huruf yang kurang keutamaan diabaikan. Tujuannya supaya sesuatu perkataan itu dapat disebut tanpa mengalami kesukaran dan maksud penutur akan tercapai dengan mudah. Huruf-huruf yang bersifat fleksibel ini menghasilkan proses asimilasi yang memberi sumbangan bermakna kepada pengguna bahasa. Berdasarkan kaedah ini keserasian dan keharmonian dalam penyebutan sesuatu perkataan akan terhasil².

Kebanyakan huruf yang terlibat dengan proses asimilasi terletak di lokasi dari kawasan depan lidah hingga ke bibir mulut. Huruf-huruf yang makhrajnya di kawasan tengah lidah hingga ke bahagian yang lebih dalam tidak terlibat dengan proses asimilasi kecuali sedikit sahaja, kerana dikira tidak sesuai untuk diabaikan dalam kaedah penyesuaian ini³.

2.1 Bentuk-bentuk Asimilasi

Terdapat dua bahagian utama asimilasi, iaitu asimilasi ke depan dan asimilasi ke belakang. Setiap bahagian ini pula boleh dikelaskan kepada beberapa jenis, sama ada dampingan atau jauh, separa atau menyeluruh, popular atau sebaliknya.

Berikut ialah keterangan mengenai bentuk-bentuk asimilasi yang sering dibincangkan oleh ahli-ahli bahasa:

2.1.1 Asimilasi ke Depan

Asimilasi ke depan berlaku bila huruf di belakang perlu disesuaikan dengan huruf di hadapan. Proses ini biasanya melibatkan perkataan yang kata akarnya bermula dengan huruf د (dāl), ذ (dhāl), ز (zāy), ص (ṣād), ض (ḍād), ط (ṭā'), ظ (ẓā') serta berada dalam pola *اِفْتَعَلَ*. Contoh yang melibatkan د, ذ dan ز adalah seperti berikut:

Kata akar	Pola افتعل	Asimilasi	Hasilnya	Contoh daripada al-Qur'an
دَعَا	إِدْتَعَى	إِدْدَعَى	إِدَّعَى	وَلَهُمْ مَا يَدْعُونَ Surah Yāsīn, 36: 57 (dan adalah bagi mereka apa sahaja yang mereka kehendaki)
ذَكَرَ	إِذْتَكَّرَ	إِذْدَكَّرَ	إِذْكَّرَ/إِذَّكَّرَ	وَإِذْكُرْ بَعْدَ أُمَّةٍ Surah Yūsuf, 12: 45 (dan dia teringat sesudah berlalu suatu masa)
زَادَ	إِزْتَادَ	إِزْدَادَ	إِزَادَ/إِزَّادَ	ثُمَّ إِزْدَادُوا كُفْرًا Surah Āl 'Imrān, 3: 90 (kemudian mereka bertambah kufur lagi)

Dalam pola *افتعل* ini, huruf-huruf *د ذ ز* yang bersifat *majhūr* (*voiced*) disusuli oleh huruf *ت* yang bersifat *mahmūs* (*voiceless*). Pada situasi ini, huruf *ت* yang lebih lemah diabaikan berbanding huruf di depannya yang lebih kuat, lalu diambil alih tempatnya oleh salah satu huruf yang sama makhraj dengan *ت* dan memiliki sifat *majhūr* supaya setanding dengan huruf yang *majhūr* di hadapannya. Jadi huruf *د* adalah paling sesuai dalam kaedah ini.

- Lafaz *إِدْتَعَى* menjadi *إِدْدَعَى*. Di sini *د* yang berbaris mati diserapkan ke dalam huruf *د* yang berbaris atas selepasnya, menjadi *إِدَّعَى* (kehendaki). Contoh ini dikelaskan sebagai asimilasi ke depan dampingan menyeluruh, kerana huruf kedua ditukar menjadi seperti huruf pertama yang berdampingan dengannya.
- Lafaz *إِذْتَكَّرَ* bertukar kepada *إِذْدَكَّرَ*. Perdampingan *د* yang bersifat letupan (*plosive*) dengan *ذ* yang bersifat geseran (*fricative*) dikira masih berat untuk disebut, lalu berlaku sekali lagi asimilasi ke depan yang menyerapkan *د* ke dalam *ذ* setelah *د* ditukar dengan *ذ*. Maka sebutannya menjadi *إِذْكَّرَ* dalam bentuk asimilasi ke depan dampingan menyeluruh. Namun di sana terdapat juga satu proses asimilasi ke belakang bagi lafaz ini, iaitu dengan menukar *ذ* yang bersifat geseran kepada *د* yang bersifat letupan dan diserapkan ke dalam *د* yang menyusulinya lalu menjadi *إِذْكَّرَ* (teringat)⁴ dalam bentuk asimilasi ke belakang dampingan menyeluruh. Lafaz *إِذْكَّرَ* ini lebih mudah sebutannya dan ia lebih luas penggunaannya. Dalam al-Qur'an al-Karim hanya lafaz *إِذْكُرْ* yang ada digunakan. Dan dari segi makna, *إِذْكُرْ* dan *إِذْكَّرَ* adalah sama.

- (c) Lafaz **إِزْدَادَ** menjadi **إِزْدَادَ** (bertambah) dalam bentuk asimilasi ke depan dampingan separa. Dikatakan 'separa' kerana huruf kedua (iaitu **ت** yang menjadi **د**) tidak bertukar sepenuhnya untuk menjadi seperti huruf pertama (iaitu **ز**). Bahkan ia merupakan penyesuaian dari segi penggantian dengan huruf yang sama sifat (iaitu *majhūr*) tetapi berlainan makhraj. Ia kadangkala diubah kepada **إِزَادَ** dalam bentuk asimilasi menyeluruh, iaitu dengan menukar **د** yang bersifat letupan kepada **ز** yang bersifat geseran untuk disesuaikan dengan **ز** di hadapannya, lalu menjadi **إِزَادَ**. Proses itu masih dianggap asimilasi ke depan kerana huruf kedua disesuaikan dengan huruf pertama. Walaupun begitu, lafaz **إِزَادَ** lebih luas digunakan daripada lafaz **إِزَادَ** kerana lafaz **إِزَادَ** dikira lebih ringan untuk disebut berbanding lafaz **إِزَادَ**.

- (i) Contoh berikutnya melibatkan huruf **ظ, ط, ض, ص**:

Kata akar	Pola	Asimilasi	Hasilnya	Contoh daripada al-Qur'an
صَبَرَ	اِفْتَعَلَ	إِضْطَبَرَ	إِضْطَبَرَ	وَإِضْطَبِرْ لِعِبَادَتِهِ Surah Maryam, 19: 65 (dan bersabarlah dengan tekun di dalam beribadat kepadanya)
ضَرَرَ/ضَرَّ	إِضْطَرَّ	إِضْطَرَّ	إِضْطَرَّ	فَمَنْ إِضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ Surah al-Baqarat, 2: 173 (maka sesiapa terpaksa sedang ia tidak menginginkannya)
طَلَعَ	إِطْطَعَّ	إِطْطَعَّ	إِطْطَعَّ	فَاطَّلَعَ فَرَآهُ فِي سَوَاءِ الْجَحِيمِ Surah al-Saffat, 37: 55 (maka ia menjenguk, lalu ia melihat rakannya itu di tengah-tengah neraka)
ظَلَمَ	إِظْطَلَمَ	إِظْطَلَمَ	إِظْطَلَمَ/إِظْطَلَمَ إِظْطَلَمَ/	-

Dapat diperhatikan dalam contoh ini huruf **ت** dalam pola **اِفْتَعَلَ** tidak sesuai dengan huruf sebelumnya **ظ ط ض ص**. Ini kerana keempat-empat huruf tersebut bersifat *itbāq (velarization)* berbanding huruf **ت** yang tidak bersifat sedemikian. Di samping itu, **ض ط ظ** bersifat *majhūr* sedangkan **ت** bersifat *mahmūs*. Kaedah penyesuaian boleh

dilakukan dengan ت diambil alih oleh ط yang sama makhraj dengan ت di samping mempunyai sifat *ibāq* dan *majhūr* yang sesuai dengan huruf sebelumnya.

- (a) Perkataan *إِصْتَبَرَ* menjadi *إِضْطَبَرَ* (sabar dengan tekun) dan *إِضْتَرَّ* menjadi *إِضْطَرَّ* (terpaksa) sebagai asimilasi ke depan dampingan separa. Manakala *أُطْلِعَ* menjadi *أِطْلَعُ*. Huruf ط yang berbaris mati dalam *اططلع* diserapkan ke dalam ط berbaris, maka ditulis *أَطَّلَعَ* (menjenguk) sebagai asimilasi ke depan dampingan menyeluruh. Ada kalanya *إِضْطَبَرَ* ditukar kepada *إِضْصَبَرَ* (yang ditulis *إِصْبَرَ*) iaitu dengan menukar ط kepada ص dan disatukan sebutan dengan ص yang satu lagi⁵ dengan proses asimilasi menyeluruh.
- (b) Adapun *إِظْتَلَمَ*, ia boleh berubah kepada tiga bentuk. Pertamanya *إِظْطَلَمَ* sebagai asimilasi ke depan dampingan separa. Keduanya dengan menukar ط yang bersifat letupan kepada ظ yang bersifat geseran menjadi *إِظَّلَمَ* sebagai asimilasi ke depan dampingan menyeluruh, dan ketiganya dengan proses asimilasi ke belakang dampingan menyeluruh iaitu menukar ظ yang bersifat geseran kepada ط yang bersifat letupan dan diserapkan menjadi *إِطْلَمَ* (menanggung kezaliman). Keadaan sebegini terjadi juga kepada perkataan *مُضْطَجِعَ* yang ditukar kepada *مُضْطَجِعَ* (yang berbaring). Ia boleh mengalami perubahan kepada *مُضْجِعَ* atau *مُطْجِعَ*⁶. Asimilasi dua hala seperti yang berlaku dalam lafaz *أِظْلَمَ-إِطْلَمَ* dan *أَذْكَرَ-أَدْكَرَ* juga dikenali sebagai asimilasi menyalang atau asimilasi timbal balik⁷.

2.1.2 Asimilasi ke Belakang

Ia bermaksud huruf di hadapan perlu disesuaikan dengan huruf di belakang. Proses sebegini terjadi dalam beberapa keadaan seperti berikut:

- (1) Apabila perkataan yang kata akarnya bermula dengan و (wāw) atau ي (yā') berada dalam pola *افتعل*⁸. Contohnya:

Kata akar	Pola افتعل	Asimilasi	Hasilnya	Contoh daripada al-Qur'an
وَقَى	إِوْتَقَى	إِتَّقَى	إِتَّقَى	وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنِ اتَّقَى Surah al-Baqarat, 2: 189 (tetapi kebajikan itu ialah perbuatan orang yang bertaqwa)

يَسَّرَ اِيْتَسَّرَ اِتَسَّرَ اِسَّرَ -

Dalam pola *افتعل* ini, huruf *و* dan *ي* yang bersifat *majhūr* dan geluncur (*glide*) adalah tidak selaras dengan *ت* yang menyusulinya, kerana *ت* bersifat *mahmūs* dan letupan. Jadi, kedua-dua huruf tersebut perlu diganti bagi meringankan penyebutan. Sebagai ganti kepada *و* dan *ي*, hanya huruf *ت* juga yang paling sesuai kerana ia menggabungkan sifat mahmus dan letupan serta serasi pula dengan *ت* yang berada selepas *و* dan *ي* itu. Proses *mahmūs* ini dikenali sebagai asimilasi ke belakang dampingan menyeluruh.

(2) Apabila laluan udara terpaksa dipindahkan. Keadaan begini terjadi pada huruf bersifat dengung (*ghunnat*) iaitu *ن* (*nūn*) dan *م* (*mīm*). Huraiannya seperti berikut:

(a) Ketika *ن* bertembung dengan *ب* (*bā'*), asimilasi ke belakang dampingan separa akan terhasil. Ini disebabkan huruf *ن* memerlukan laluan udara melalui hidung dan *ب* menutup rapat bibir mulut⁹. Contohnya:

Kata asal	Asimilasi	Contoh daripada al-Qur'an
-----------	-----------	---------------------------

أَنْبِئُهُمْ

أَمْبِئُهُمْ

يَا آدَمُ أَنْبِئُهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ

Surah al-Baqarat, 2: 33 (Hai Adam, terangkan nama benda-benda itu kepada mereka!)

مِنْ بَعْدِ

مِمَّ بَعْدِ

مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ

Surah al-Baqarat, 2: 145 (setelah datang kepadamu pengetahuan)

Huruf *ن* yang bersifat dengung serta makhrajnya di antara depan lidah dengan gusi atas, tidak sesuai digandingkan dengan *ب* yang makhrajnya di antara dua bibir serta tiada dengung. Oleh itu *م* mengganti tempat *ن* kerana makhraj *م* di antara dua bibir sama seperti *ب* dan ia memiliki sifat dengung sama seperti *ن*¹⁰. Keadaan ini dikira asimilasi separa kerana salah satu sifat (iaitu sifat dengung) yang mulanya ada pada *ن* dikekalkan oleh penggantinya *م*.

(b) Pertemuan *ب* dengan *م* akan menghasilkan asimilasi ke belakang dampingan menyeluruh. Contohnya:

Kata asal	Asimilasi	Contoh daripada al-Qur'an
-----------	-----------	---------------------------

اِرْكَبْ مَعَنَا

اِرْكَبْ مَعَنَا

يَا بُنَيَّ اِرْكَبْ مَعَنَا

Surah Hūd, 11: 42 (Hai anakku, naiklah bersama-sama kami!)

Makhraj ب dan م adalah sama, iaitu di antara dua bibir mulut, tetapi beza antara keduanya ialah م memiliki sifat dengung. Bagi tujuan penyesuaian, ب ditukar dengan م dan diserapkan ke dalam م yang satu lagi supaya kedua-duanya memperoleh laluan udara yang sama menerusi hidung.

- (c) Apabila ن bertemu dengan ر (rā') atau ل (lām) yang menghasilkan asimilasi ke belakang dampingan menyeluruh. Contohnya:

Kata asal	Asimilasi	Contoh daripada al-Qur'an
-----------	-----------	---------------------------

فَإِنْ لَمْ

فَإِنْ لَمْ

فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا

Surah al-Baqarat, 2: 24 (Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya)

مِنْ رَبِّكُمْ

مِنْ رَبِّكُمْ

ذَلِكَ تَخْفِيفٌ مِنْ رَبِّكُمْ

Surah al-Baqarat, 2: 178 (Yang demikian itu ialah suatu keringanan daripada Tuhan kamu)

Huruf ن yang sama makhraj dengan ر dan ل terpaksa diabaikan, iaitu dengan menukar laluan udaranya daripada melalui rongga hidung kepada mulut supaya dapat bersama ر dan ل. Dengan cara ini hilanglah sifat dengungnya dan ia bertukar kepada ر dan ل.

- (3) Apabila bertemu dua huruf yang *mutajānis*, iaitu yang sama makhraj dan berlainan sifat, seperti ت (tā') dengan ط, د dengan ت. Ia akan menghasilkan asimilasi ke belakang dampingan menyeluruh. Contohnya:

Huruf Mutajānis	Asimilasi	Contoh daripada al-Qur'an
-----------------	-----------	---------------------------

قَدْ تَبَيَّنَ

قَدْ تَبَيَّنَ

قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ

Surah al-Baqarat, 2: 256 (sesungguhnya telah nyata kebenaran dari kesesatan)

قَالَتْ طَائِفَةٌ

قَالَتْ طَائِفَةٌ

وَقَالَتْ طَائِفَةٌ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ

Surah Āl 'Imrān, 3: 72 (Dan segolongan daripada Ahli Kitab telah berkata)

Huruf pertama yang berbaris mati disesuaikan dengan huruf kedua yang berbaris atas, lalu bertukar sebutannya menjadi seperti huruf kedua dan diserapkan ke dalamnya. Huruf ت, د dan ط dari satu makhraj. Dalam contoh pertama, د yang bersifat *majhūr* diserapkan ke dalam ت yang bersifat *mahmūs*. Dalam contoh kedua, ت yang bersifat *mahmūs* dan *infitāh* diserapkan ke dalam ط yang bersifat *majhūr* dan *itbāq*.

- (4) Apabila bertemu dua huruf yang *mutaqārib*, iaitu yang berdekatan makhraj atau sifat atau kedua-duanya. Bentuk ini juga dikira asimilasi ke belakang dampingan menyeluruh. Misalnya:

Huruf <i>Mutaqārib</i>	Asimilasi	Contoh daripada al-Qur'an
قُلْ رَبِّي	قُرْ رَبِّي	قُلْ رَبِّي أَعْلَمُ بِعَدَّتِهِمْ Surah al-Kahf, 18: 22 (Katakanlah: Tuhanku lebih mengetahui bilangan mereka)
أَلَمْ نَخْلُقْكُمْ	أَلَمْ نَخْلُكْكُمْ	أَلَمْ نَخْلُقْكُمْ مِنْ مَاءٍ مَهِينٍ Surah al-Mursalāt, 77: 20 (Bukankah Kami telah jadikan kamu daripada air yang hina?)
إِنَّمَحَى	إِنَّمَحَى	وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا Surah al-A'raf, 6: 179 (Dan sesungguhnya Kami telah menyediakan untuk neraka jahanam, banyak ...)
لَقَدْ ذَرَأْنَا	لَقَدْ ذَرَأْنَا	

Dalam contoh pertama, ل dan ر adalah berdekatan makhraj tetapi berlainan sifat; ل bersifat *inḥirāf* (melencong) dan ر bersifat *takrār* (berulang), lalu ل yang berbaris mati diabaikan dan diserapkan sebutannya ke dalam ر.

Dalam contoh kedua, ق (qāf) dan ك (kāf) berdekatan makhraj tetapi ق bersifat *majhūr* dan *qalqalat* (lantunan) sedangkan ك bersifat *mahmūs* dan bukan *qalqalat*, lalu ق yang berbaris mati diabaikan dan diserapkan sebutannya ke dalam ك.

Dalam contoh ketiga, ن dan م adalah sama sifat, tetapi berlainan makhraj. Makhraj ن di antara depan lidah dengan gusi atas sedangkan م di antara dua bibir. Oleh itu ن yang berbaris mati diabaikan dan diserapkan ke dalam م untuk meringankan sebutan.

Dalam contoh keempat, د dan ذ berdekatan makhraj dan sifat. Makhraj د di antara hujung lidah dengan pangkal gigi depan atas dan makhraj ذ di antara hujung lidah dengan hujung gigi depan atas. Kedua-duanya mempunyai sifat-sifat yang sama, kecuali د bersifat letupan dan *qalqalat* sedangkan ذ bersifat geseran dan bukan

galqalat. Bagi memberi keserasian sebutan, huruf د diabaikan dan ditukar sebutannya dengan huruf ذ.

- (5) Apabila ل dalam partikel ta'rif (pengekhasan) ألْ disusuli oleh salah satu daripada huruf ت ث د ذ ر ز س ش ص ض ط ظ ن. Dalam keadaan ini ل diabaikan lalu ditukar kepada bunyi huruf yang menyusulinya bagi membentuk asimilasi ke belakang dampingan menyeluruh. Sebagai contoh:

Perkataan	Asimilasi	Contoh daripada al-Qur'an
التَّوْرَةَ	أَتْ تَوْرَةَ	وَأَنْزَلَ التَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ Surah Āl 'Imrān, 3: 3 (dan Dia menurunkan Taurat dan Injil)
الشَّمْسِ	أَشْ شَمْسِ	فَلَمَّا رَأَى الشَّمْسَ بَازِعَةً Surah al-An'ām, 6: 78 (Maka apabila ia melihat matahari terbit)
الضَّلَالِ	أَضْ ضَلَالِ	فَمَاذَا بَعْدَ الْحَقِّ إِلَّا الضَّلَالُ Surah Yunus, 10: 32 (maka bukannya sesudah kebenaran, tidak ada lain, melainkan kesesatan?)

Di sini berlaku asimilasi kerana makhraj ل berhampiran dengan makhraj huruf-huruf tersebut yang juga berada di kawasan hujung lidah. Ini menyebabkan lidah keberatan untuk menyempurnakan sebutan dua huruf yang berdekatan. Huruf ش (shīn) dan ض juga dilibatkan dalam proses ini kerana ش walaupun makhrajnya di tengah lidah, sifat berhamburan yang ada padanya menjangkau lokasi makhraj ل. Huruf ض yang makhrajnya sepanjang tepi lidah, juga menyentuh kawasan sebutan ل. Jadi ل wajib diserapkan ke dalam 13 huruf tersebut¹¹.

Terdapat satu lagi keadaan ل diserapkan ke dalam huruf selepasnya, iaitu apabila ل berbaris mati di akhir perkataan, disusuli dengan salah satu daripada 13 huruf yang dibincangkan tadi. Penyerapan ini hukumnya harus¹². Contohnya:

Perkataan	Asimilasi	Contoh daripada al-Qur'an
هَلْ تُؤْتَبَ	هَتْ تُؤْتَبَ	هَلْ تُؤْتَبَ الْكُفَّارُ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ Surah al-Muṭaffifin, 83: 36 (Bukankah apa yang orang-orang yang kafir itu kerjakan dahulu telah dibalas?)

2.1.3 Asimilasi Terhad

Bentuk-bentuk asimilasi yang dibincangkan sebelum ini merupakan asimilasi yang digunakan secara meluas. Asimilasi terhad ialah asimilasi ke belakang yang berlaku kepada perkataan-perkataan tertentu dan penggunaannya sedikit sahaja. Asimilasi jenis ini merupakan proses penyesuaian di antara dua huruf yang berbeza dari segi makhraj dan sifat. Ia dikatakan menjadi amalan sesetengah kabilah Arab, khususnya kabilah *Tayyi'*. Misalnya apabila *ص* yang berbaris mati mendahului *د*, lalu *ص* ditukar kepada *ز* supaya sesuai dengan *د*. Hal ini dapat dilihat pada *يَضُدُّ* (keluar) menjadi *يَزُدُّ* dan *أَلْفَضُّ* (mengeluarkan darah) menjadi *أَلْفَزُّ*. Huruf *ص* yang bersifat *mahmūs* dan *itbāq* ditukar kepada *ز* yang sama makhraj dengannya tetapi bersifat *majhūr* dan *infitāh*, untuk disesuaikan dengan *د* yang bersifat *majhūr* dan *infitāh*¹³. Proses ini disifatkan sebagai asimilasi ke belakang dampingan separa.

Asimilasi terhad terdapat juga dalam bentuk 'ke belakang jauh separa'. Ia adalah proses penyesuaian di antara dua huruf yang berbeza makhraj dan sifat serta dipisahkan oleh huruf lain, misalnya *مُسَيِّطِر* (yang menguasai) menjadi *مُصَيِّطِر* dan *سِرَاط* (jalan) menjadi *صِرَاط* di mana *س* yang bersifat *infitāh* ditukar dengan *ص* yang sama makhraj dengannya tetapi bersifat *itbāq* supaya bersesuaian dengan *ط* yang bersifat *itbāq* dibelakangnya. Huruf *ي* menjadi pemisah di antara *س* dan *ط* pada kedua-dua contoh di atas.

Contoh yang lain ialah perkataan *سَوِيْقٌ* (makanan yang diperbuat daripada tepung) menjadi *صَوِيْقٌ* di mana *س* bertukar kepada *ص* untuk disesuaikan dengan *ق* yang datang selepasnya dengan diselangi oleh *ي*¹⁴. Bagi contoh ini, *س* yang bersifat menurun ditukar dengan *ص* yang bersifat menaik untuk disesuaikan dengan *ق* di belakangnya yang juga bersifat menaik. Dikatakan asimilasi jauh kerana terdapat huruf lain yang menyelangi di antara dua huruf yang bertindak balas, dan dikatakan asimilasi separa kerana hanya melibatkan penukaran huruf berlainan yang bersamaan sifat.

3.0 DISIMILASI

Disimilasi (*al-mukhālafat*) ditakrifkan sebagai proses penukaran sesuatu huruf kepada huruf lain dalam perkataan yang mengandungi huruf-huruf berturutan yang serupa.

Pada kebiasaannya huruf serupa yang berturutan dibiarkan tanpa pengubahsuaian kerana ia dikira meringankan proses penyebutan dan meringkaskan lidah bergerak. Contohnya perkataan *أَفْرَر* (mengaku) yang mengandungi dua *ر* berturutan di hujungnya, *نَظَّف* (membersihkan) yang mengandungi dua *ظ* berulang di tengahnya, dan *تَبَيَّن* (menjadi jelas) yang memiliki *ي* berganda sebelum akhirnya. Huruf-huruf yang berturutan tadi dapat disebut dengan mudah secara penyerapan, iaitu huruf pertama diserapkan ke dalam huruf kedua.

Dalam sesetengah keadaan, dua huruf atau lebih yang serupa atau hampir serupa - apabila berturutan - mungkin menimbulkan sedikit rasa berat kepada penutur, maka

salah satu daripadanya ditukar dengan huruf yang lain bagi mengelak keberatan dalam penyebutan sesuatu perkataan. Misalnya perkataan *أَمَلَّ* (merencanakan/mencatat) yang mengandungi dua *ل* di hujungnya, pernah mengalami proses disimilasi pada *ل* kedua, iaitu dengan ditukarkan kepada *ا* (yang ditulis dalam bentuk *ى*) menjadi *أَمَلَى*. Begitu juga perkataan *تَقَصَّصَ* (mengamati) yang memiliki tiga *ص* berturut-turut di hujungnya (*ت ق ص ص ص*), telah menerima proses disimilasi dengan penukaran *ص* terakhir kepada *ا* menjadi *تَقَصَّى*¹⁵.

Oleh itu disimilasi merupakan proses berlawanan dengan asimilasi, kerana dalam asimilasi huruf yang berlainan disamakan, sedangkan dalam disimilasi huruf yang sama ditukar supaya menjadi berlainan. Namun kedua-dua proses ini membawa tujuan yang sama iaitu menjimatkan tenaga penutur dengan meringankan penyebutan perkataan dan mencapai suatu tahap keharmonian dalam pembinaan kata.

3.1 Jenis-jenis Disimilasi

Disimilasi terbahagi kepada dua jenis utama, iaitu disimilasi ke depan dan disimilasi ke belakang. Keterangan mengenai kedua-dua jenis ini adalah seperti berikut:

3.1.1 Disimilasi ke Depan

Ia terjadi apabila huruf kedua dipengaruhi oleh huruf pertama yang membawa kepada penghilangan huruf kedua dan digantikan dengan satu huruf baru yang berlainan dengan huruf pertama. Misalnya perkataan *تَقَصَّصَ* (mengamati), *تَظَنَّ* (menyangka) dan *تَسَرَّرَ* (carik) yang bertukar kepada *تَقَصَّى*, *تَظَنَّى* dan *تَسَرَّى*. Di sini huruf *ص*, *ن* dan *ر* yang terletak di akhir kata, ditukar kepada *ا* (yang ditulis dalam bentuk *ى* tidak bertitik) supaya berlainan dengan huruf-huruf sebelumnya *ص ن ر*¹⁶. Disimilasi ke depan ini adalah bersifat damped, kerana tiada penyelang di antara kedua-dua huruf yang terlibat.

Dalam konteks ini terdapat ayat al-Qur'an al-Karim yang menggunakan dua bentuk perkataan yang salah satu daripadanya merupakan bentuk asal dan yang satu lagi ialah pecahan daripadanya mengikut proses disimilasi. Contoh bentuk asal ialah perkataan *أَمَلَّ* (merencanakan) yang terdapat dalam ayat *فَلْيَمْلِكْ وَلِيَّهُ بِالْعَدْلِ* (Surah al-Baqarat, 2: 282) (maka hendaklah walinya merencanakan dengan adil) dan bentuk kedua ialah *أَمَلَى* yang digunakan dalam ayat *فَهِيَ تُمَلَّى عَلَيْهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا* (Surah al-Furqan, 25: 5) (lalu direncanakan perkara itu kepadanya pagi dan petang). Dalam contoh ini didapati *ل* yang kedua telah ditukar kepada *ا* (yang ditulis dalam bentuk *ى* tidak bertitik)¹⁷.

Di samping disimilasi yang berbentuk dekat atau damped, terdapat juga disimilasi yang berbentuk jauh, iaitu terdapat huruf yang menyelang di antara dua huruf yang serupa atau hampir serupa dalam satu perkataan. Contoh dua huruf

yang serupa ialah لَعَلَّ (semoga) yang menjadi لَعْنٌ, iaitu dengan menukar ل berganda di hujung kata kepada ن. Dalam contoh ini, ع menjadi penyelang.

Contoh bagi dua huruf yang hampir serupa ialah جِبْرَائِيل (nama ketua malaikat). Di sini ر dan ل menjadi perhatian. Kedua-duanya terbit dari makhrāj berdekatan dan diselangi oleh beberapa huruf lain. Proses disimilasi berlaku dengan menukar ل kepada ن menjadi جِبْرَائِينَ.

3.1.2 Disimilasi ke Belakang

Disimilasi ke belakang berlaku apabila huruf di hadapan terpengaruh dengan huruf di belakang¹⁸. Contohnya perkataan أَمَّا (adapun) dan إِمَّا (sama ada) yang ditukar kepada أَيْمًا dan إَيْمًا¹⁹. Dalam contoh ini م yang pertama dalam (أَمَّا) dan (إِمَّا) ditukar kepada ي, supaya berlainan dengan huruf م yang datang selepasnya, dengan tujuan meringankan sebutan secara disimilasi. Begitu juga غَمَّ (mendung) menjadi غَمَّام dengan menukar م pertama dalam (غَمَّام) kepada ا²⁰.

Dalam konteks ini ada pihak yang membaca ayat al-Qur'an al-Karim pada perkataan إِيْلَا (Surah al-Taubat, 9: 8) (hubungan kerabat) dengan إِيْلَا, iaitu menukar ل (إِلْ) pertama kepada ي²¹.

Contoh yang lain ialah إِنْجَار (bumbung) dan إِنْجَاص (buah lai) menjadi إِنْجَارٌ dan إِنْجَاصٌ. Di sini ج pertama dalam (إِنْجَار) dan (إِنْجَاص) ditukar kepada ن²². Begitu juga الْقِرَاط (sejenis ukuran untuk permata)²³ menjadi الْقِرَاطٌ²⁴ dengan menukar ر pertama kepada ي. Contoh-contoh tersebut dikira sebagai disimilasi dampingan.

Dalam pada itu terdapat juga disimilasi berbentuk jauh. Contohnya ialah ungkapan مَا اسْمُكَ؟ (Apa nama awak?) ditukar kepada بِاسْمِكَ؟. Di sini م yang terletak di hadapan bertukar kepada ب secara disimilasi bagi diserasikan dengan م yang terdapat di belakang²⁵. Kedua-dua huruf ini diselangi oleh beberapa huruf lain. Begitu juga dalam perkataan إِخْضَرُضَرَ (menghijau sepenuhnya) menjadi إِخْضَوْضَرَ dengan menukar huruf ر pertama kepada و akibat pengaruh ر di belakangnya²⁶.

4.0 RUMUSAN

Terdapat banyak contoh dan bentuk yang menggambarkan bahawa asimilasi dikira amat perlu dilakukan bagi melancarkan sebutan di antara dua huruf berdekatan yang ketara perbezaannya, sama ada dalam satu perkataan atau di antara dua perkataan. Dalam proses asimilasi, kita dapati asimilasi ke belakang lebih banyak digunakan, berbanding asimilasi ke depan. Asimilasi ke depan biasanya terjadi apabila huruf di hadapan bersifat *majhūr* seperti ادْتَعَى menjadi ادْعَى, atau bersifat *ibbāq* seperti اِضْطَبَّرَ menjadi اِضْطَبَّرَ²⁷.

Dalam proses disimilasi pula, bilangan contoh dan jenisnya agak terbatas. Jadi bolehlah kita membuat kesimpulan bahawa disimilasi tidak digunakan secara meluas berbanding kaedah asimilasi. Ini menunjukkan keperluan kepada kaedah disimilasi tidaklah begitu besar berbanding dengan keperluan kepada asimilasi. Namun, proses disimilasi berlaku juga bagi sesetengah perkataan, untuk meringankan dan melancarkan lagi sebutan setakat yang boleh di samping penutur dapat menjimatkan tenaga semaksimum yang mungkin.

Terdapat beberapa keadaan yang mempengaruhi pemilihan huruf tertentu sebagai pengganti dalam proses disimilasi. Antaranya ialah:

- (a) Bagi disimilasi ke depan dampingan, huruf **ا** biasanya menjadi pilihan sebagai pengganti huruf yang digugurkan. Ini kerana **ا** adalah bersesuaian dengan baris atas yang terdapat pada huruf yang pertama. Contohnya pada **تَقْصَصَ** dan **أَمَلَّ** yang bertukar kepada **تَقْصَى** dan **أَمَلَى**.
- (b) Bagi disimilasi ke depan jauh, salah satu huruf bersifat *dhalāqat* (*lingual*) yang paling hampir makhrajnya dengan huruf di hadapan akan dipilih sebagai pengganti. Contohnya **لَعَلَّ** dan **جِبْرَائِيلُ** yang ditukar kepada **لَعَنَّ** dan **جِبْرَائِينُ**. Huruf **ن** terpilih kerana berdekatan makhraj dengan **ل** dan **ر** yang terletak di hadapan.
- (c) Bagi disimilasi ke belakang dampingan, biasanya huruf yang bersesuaian dengan baris yang terletak sebelum huruf pertama menjadi pilihan sebagai huruf pengganti. Misalnya bagi **عَمَّ**, huruf **ا** dipilih dalam proses disimilasinya, menjadi **عَامَ**. Adapun pada **إِلا**, **إِما** dan **قِرَاطُ**, huruf **ي** pula dipilih sebagai huruf pengganti supaya sesuai dengan baris bawah yang mendahuluinya, lalu menjadi **قَيْرَاطُ** dan **إَيْنَا**.
- (d) Namun begitu bagi huruf yang sifatnya terlalu kuat seperti huruf **ج**, ia akan diganti dengan salah satu huruf *dhalāqat* bagi mencapai tahap keringanan yang diperlukan dalam proses disimilasi. Oleh itu pada perkataan **إِجَاصٌ** dan **إِجَارٌ**, **ج** pertama digugurkan dan ditukar dengan **ن**, menjadi **إِنْجَاصٌ** dan **إِنْجَارٌ**, tanpa mengambil kira baris yang mendahuluinya.
- (e) Begitu juga bagi disimilasi ke belakang jauh, huruf yang paling sesuai akan dipilih sebagai pengganti. Misalnya pada **مَا اسْمُكُ**, huruf **م** diganti oleh **ب** yang sama makhraj dengannya dan pada **إِخْضَرَضَرَ**, huruf **و** diambil sebagai pengganti **ر** pertama memandangkan **و** boleh disesuaikan dengan baris atas sebelumnya dan serasi pula dengan **ض** yang bersifat *ibāq* selepasnya, lalu menjadi **إِخْضَوْضَرَ**.

Secara umumnya huruf yang terlibat dengan proses disimilasi ialah huruf yang nyaring bunyinya, iaitu **ا و ي ر ن ل م ب**.

NOTA

- ¹ Li. Aḥmad Mukhtār ‘Umar, 1985: 324; ‘Abd al-Fattāḥ al-Birkāwiyy, 1984: 147
- ² Li. Ibrāhīm Anīs, 1979: 184; ‘Abd al-Ghaffār Hilāl, 1988: 276
- ³ Li. Ṣalāḥuddīn Qīnāwiyy dan Aḥmad Ṭāhā Sulṭān, 1986: 195
- ⁴ Li. Sibawayh, 1977: 4/469
- ⁵ Li. Sibawayh, 1977: 4/476
- ⁶ Li. Sibawayh, 1977: 4/470
- ⁷ Li. ‘Abd al-Fattāḥ al-Bikāwiyy, 1984: 149
- ⁸ Li. ‘Abd al-Ghaffār Hilāl, 1988: 279
- ⁹ Li. Aḥmad Mukhtār ‘Umar, 1985: 235; Ṣalāḥuddīn Qīnāwiyy dan Aḥmad Ṭāhā Sulṭān, 1986: 196
- ¹⁰ Li. Sibawayh, 1977: 4/453
- ¹¹ Li. Sibawayh, 1977: 4/457
- ¹² Li. Sibawayh, 1977: 4/457
- ¹³ Li. Sibawayh, 1977: 4/478; Aḥmad Mukhtār ‘Umar, 1985: 325
- ¹⁴ Li. Sibawayh, 1977: 4/478; Aḥmad Mukhtār ‘Umar, 1985: 325
- ¹⁵ Li. ‘Abd al-Ghaffār Hilāl, 1988: 288; ‘Abd al-Fattāḥ al-Bikāwiyy, 1984: 151
- ¹⁶ Li. Sibawayh, 1977: 4/423
- ¹⁷ Li. Ibn Jinnī, t.t: 2/231
- ¹⁸ Li. ‘Abd al-Fattāḥ al-Bikāwiyy, 1984: 154
- ¹⁹ Li. Ibn Jinnī, t.t: 2/65; al-Fairūzābādiyy, 1987: 1392
- ²⁰ Ibrāhīm Anīs, 1979: 212
- ²¹ Li. ‘Abd al-Ghaffār Hilāl, 1988: 289
- ²² Li. Ibrāhīm Anīs, 1979: 214
- ²³ Mungkinn perkataan ‘karat’ dalam bahasa Melayu dipinjam dari istilah Arab ini- Li. Noresah Baharom etl. 2000: 578
- ²⁴ al-Fairūzābādiyy, 1987: 880
- ²⁵ Li. ‘Abd al-Fattāḥ al-Birkāwiyy, 1984: 153-154
- ²⁶ Li. ‘Abd al-Fattāḥ al-Birkāwiyy, 1984: 151,154
- ²⁷ Li. Aḥmad Mukhtār ‘Umar, 1985: 333

RUJUKAN

Al-Qur’an al-Karim

- ‘Abd al-Fattāḥ al-Birkāwiyy. 1984. *Muqaddimat Fī Aṣwāt al-Lughat al-‘Arabīyyat*. Kaherah: Mu’assasat al-Risālat.
- ‘Abd al-Ghaffār Hilāl. 1988. *Aṣwāt al-Lughat al-‘Arabīyyat*. Kaherah: Maṭba‘at al-Jabalāwiyy.
- Aḥmad Mukhtār ‘Umar. 1985. *Dirāsāt al-Ṣāwt al-Lughawīyy*. Kaherah: ‘Ālam al-Kutub.
- Al-Fairūzābādiyy (w 817H/1414M). 1987. *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Beirut: Mu’assasat al-Risālat.
- Ibn Jinnī, Abū al-Faṭḥ (w 392H/1001M). t.t. *al-Khaṣā’iṣ*, Muḥammad ‘Aliyy al-Najjār (ed). Beirut: Dār al-Hudā.
- Ibrāhīm Anīs. 1979. *al-Aṣwāt al-Lughawīyyat*. Kaherah: Maktabat al-Anglū al-Miṣriyyat.
- Noresah Baharom et al. 2000. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ṣalāḥuddīn Qīnāwiyy dan Aḥmad Ṭāhā Sulṭān. 1986. *Dirāsāt Fī ‘Ilm al-Aṣwāt al-Lughawīyyat*. Kaherah: Kulliyat al-Lughat al-‘Arabīyyat, Jāmi‘at al-Azhar.
- Sibawayh, Abū Bisyr (w 188H/803M). 1977. *al-Kitāb*. ‘Abd al-Salām Muḥammad Hārūn (ed). Kaherah: al-Hay‘at al-Miṣriyyat al-‘Āmmat Li al-Kitāb.